

MUKA DUA

Fakta
nombor

12 STESEN
penumpang

7 STESEN
penumpang dan kargo

3 STESEN
kargo

PROJEK LALUAN REL KERETAPI PANTAI TIMUR (ECRL)

Projek mega transformasi pengangkutan awam negara

→ PM optimis pelaburan RM55 bilion beri kesan berganda pertumbuhan ekonomi negeri Pantai Timur

Oleh Abdul Razak Raaff, Nik Sukry Ramli dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Projek Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) bukan sahaja mencipta sejarah pengangkutan awam darat negara, malah pembinaannya akan me-

nan antara Gombak, Selangor ke Tumpat, Kelantan dari tujuh atau lapan jam ketika ini kepada hanya empat jam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek ECRL di Stesen Utama KotaSAS, dekat sini semalam.

Yang turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman; Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rahman Dahlan; Kaunselor China, Wan Yong; Duta Besar China, Dr Huang Huikang; Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Dr Mohd Irwan Siregar Abdullah; Pengerusi China Communications Construction Groups Ltd (CCCC), Liu Qitao dan Pengarah Eksekutif KotaSAS Sdn Bhd, Tengku Amir Naseer Tengku Ibrahim.


Info

Laluan Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL)

- Laluan landasan kereta api berkuasa elektrik merentasi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor
- menghubungkan ibu negeri, pusat bandar utama, kawasan perindustrian, pelabuhan, lapangan terbang dan zon pelancongan.
- kemudahan disediakan di stesen, tempat meletak kereta/motosikal, perkhidmatan teksis dan bas awam, jejantas pejalan kaki dan laluan keluar masuk kenderaan persendirian
- mesra Alam ECRL mengurangkan penggunaan kenderaan di jalan raya, menghasilkan pengeluaran karbon yang lebih rendah.

- reka bentuk landasan mesra alam dengan pembinaan lebih banyak terowong merentasi hutan simpan bagi mengelak penebangan hutan
- perjalanan lebih singkat dan selamat
- pembinaan terowong pengangkutan terpanjang di Malaysia sejauh 18 kilometer menghubungkan Bentong dan Gombak
- landasan kereta api direka elak banjir dengan ketinggian landasan di atas paras selamat banjir
- berpotensi meningkatkan KDNK negeri di Pantai Timur 1.5 peratus.
- menggalakkan pertumbuhan hab industri di sepanjang jajaran ECRL
- mengurangkan jurang ekonomi dan jurang pembangunan antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung

BH
10/8/17
ms 2-3



macu kesejahteraan rakyat terutama di kawasan luar bandar, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri optimis projek mega bernilai RM55 bilion yang akan memberi kesan berganda kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan dapat disiapkan mengikut jadual pada tahun 2024.

Sambil mengembangkan projek itu mampu membawa perubahan signifikan kepada kemajuan sosio-ekonomi setempat, ia juga mampu memberikan impak besar kepada pembangunan Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Pencetus perubahan

Najib juga menyifatkan ECRL sebagai pencetus perubahan dan pemikiran bagi Malaysia.

“Majlis (pecah tanah) ini adalah sebagai tanda komitmen kerajaan menjadikan penambahbaikan sistem pengangkutan awam negara sebagai antara keutamaan kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

“Kita laksanakan projek ini bukan untuk prestij, tetapi adalah untuk kepentingan rakyat... projek ini sememangnya bersifat rakyat-centric (infrarakyat) dan sudah pasti akan menjamin kesejahteraan rakyat di bandar dan luar bandar. Kita jangkakan seramai 5.4 juta penumpang dan 53 juta tan kargo akan menggunakan perkhidmatan ini setiap tahun, bermula tahun 2030.

“Selain menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia, paling penting ECRL memendekkan masa perjala-

Yakin siap 7 tahun

Najib turut melahirkan keyakinan dengan kemampuan CCCC dan MRL untuk menyiapkan projek mega itu dalam tempoh tujuh tahun, sekali gus memenuhi aspirasi negara dalam proses transformasi bagi mencapai status negara maju.

“Kita yakin mereka begitu bersemangat dan meletakkan komitmen penuh serta berkeyakinan untuk menyiapkan projek berimpak tinggi ini. Kontraktor projek ini, CCCC mempunyai rekod pencapaian cemerlang sebelum ini.

“Walaupun projek ini membabitkan pembinaan laluan rel sepanjang 688km dengan laluan terowong sejauh 49km... saya rasa ia bukan satu masalah kepada mereka (CCCC) untuk laksanakan.

“Kalau boleh disiapkan lagi awal dari tempoh ditetapkan (tahun 2024), lagi bagus kerana kita mahu rakyat menikmati limpahan ekonomi dan meningkatkan status sosio-ekonomi mereka,” katanya.

Najib juga berkata, kerajaan juga sudah memeterai perjanjian dengan Kerajaan China bahawa 30 peratus kontraktor tempatan akan terbabit bagi melaksanakan projek ECRL, manakala program latihan kemahiran berkaitan teknologi kereta api turut disediakan kepada generasi muda tempatan.

“Kita minta kontraktor tempatan yang memiliki keupayaan dan kemahiran yang berkaitan mengambil peluang dan menjadi sebahagian daripada pelaksana projek yang akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Pantai Timur,” katanya.



Najib bersama Wang Yong (lapan dari kiri), Mohd Irwan Siregar (kiri), Rahman (dua dari kiri), Ahmad (tiga dari kiri), Ahmad Razif (empat dari kiri), Tiong Lai, (lima dari kiri) dan Adnan menolak pemacu gergasi sebagai simbolik majlis pecah tanah projek ECRL di Kuantan, semalam.

688
KILOMETER

lalan rel
menghubungkan
Pelabuhan Klang dan
Pengkalan Kubor

600.3
KILOMETER

lalan rel
menghubungkan
Gombak dan
Pengkalan Kubor


49 KILOMETER
lalan trowong

4 JAM
perjalanan dari Kota
Bharu ke Terminal
Pengangkutan
Bersepadu (ITT) Gombak



LALUAN REL PANTAI TIMUR

19 terowong ECRL dijangka siap 4 tahun



Kuantan: Terowong untuk projek Rangkaian Rel Keretapi Pantai Timur (ECRL) akan dibina di 19 lokasi dengan jarak terpanjang 17.8 kilometer, merentasi Banjaran Titiwangsa dari Bentong, Pahang ke Gombak, Selangor.

Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata pembinaan terowong di kawasan berbukit, kebanyakannya di Pahang serta sempadan Terengganu dan Kelantan itu dijangka bermula awal tahun depan.

Beliau berkata, kerja pembinaan Fasa 1 dan 2 dilaksanakan serentak, termasuk mengorek terowong terpanjang menggunakan teknik mengorek bawah tanah atau korek dan letup dengan dinamit, mengikut kesesuaian situasi.

Tenaga kerja tempatan

"Kontraktor projek, China Communications Construction Company Ltd (CCCC) ada kepayaan teknologi, disokong tenaga kerja tempatan termasuk jurutera, dapat melaksanakan projek mega RM55 bilion ini seperti ditetapkan.

"Ketika ini, projek siasatan ke atas tanah untuk jajaran rel kereta api sudah siap, pengambilan tanah juga sudah bermula sejak Jun lalu dan akan ambil masa 12 bulan dari sekarang untuk diselesaikan.



“Kita jangka projek ini dapat dimulakan penghujung tahun ini dan siap dalam tempoh empat tahun akan datang,” katanya pada sidang media selepas majlis perasmian pecah tanah ECRL di Stesen Utama KotaSAS, di sini semalam.

Beliau yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan berkata, pihaknya akan membina jambatan sepanjang 88.8 kilometer di jajaran rel melalui kawasan berisiko banjir terutama di Terengganu dan Kelantan.

“Ini projek untuk rakyat, akan wujud kesan berganda daripada pembinaan rel sepanjang 688 kilometer dari Pelabuhan Klang, Selangor hingga Tumpat, Kelantan.

“Ia termasuk memendekkan masa perjalanan, kadar kemalangan rendah, peluang kerja, peningkatan pendapatan serta pertumbuhan pembangunan berorientasikan transit, termasuk perniagaan dan logistik,” katanya.

Mohd Irwan turut berterima kasih kepada kerajaan Pahang, Terengganu, Kelantan dan Selangor kerana memberi kerjasama terbaik, terutama berkaitan pengambilan tanah, sekali gus melancarkan pelaksanaan projek terabit.

